



28 Disember 2016
28 December 2016
P.U. (A) 370

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KASTAM
(FI LESEN IMPORT KENDERAAN BERMOTOR) 2016

*CUSTOMS (IMPORT LICENCE FEE FOR MOTOR VEHICLE)
REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KASTAM 1967

PERATURAN-PERATURAN KASTAM
(FI LESEN IMPORT KENDERAAN BERMOTOR) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 142 Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kastam (Fi Lesen Import Kenderaan Bermotor) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Pengenaan fi lesen import

2. (1) Mana-mana syarikat AP terbuka yang diluluskan oleh pegawai Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang diberi kuasa dan yang kepadanya suatu lesen import kenderaan bermotor telah dikeluarkan menurut perenggan 3 Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2012 [*P.U. (A) 490/2012*] dan yang tertakluk kepada Garis Panduan Pentadbiran mengenai Lesen Import yang dikeluarkan oleh pegawai Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang diberi kuasa, hendaklah dikenakan fi lesen import sebanyak—

(a) bagi 35,000 lesen import yang pertama diluluskan, sepuluh ribu ringgit bagi setiap unit kenderaan bermotor yang diimport oleh syarikat AP terbuka itu; dan

(b) bagi lesen import yang seterusnya diluluskan, dua puluh ribu ringgit bagi setiap unit kenderaan bermotor yang diimport oleh syarikat AP terbuka itu.

(2) Bagi maksud peraturan ini, kenderaan bermotor tidak termasuk motosikal.

Bayaran ansuran

3. (1) Ketua Pengarah boleh membenarkan fi lesen import yang dikenakan di bawah subperaturan 2(1) dibayar secara ansuran.

(2) Bayaran ansuran bagi fi lesen import yang dikenakan hendaklah dibuat mengikut cara yang berikut:

(a) syarikat AP terbuka hendaklah membayar sebanyak lima ribu ringgit yang pertama bagi setiap lesen import yang dikeluarkan bagi setiap unit kenderaan bermotor; dan

(b) baki fi lesen import yang dikenakan bagi setiap lesen import yang dikeluarkan bagi setiap unit kenderaan bermotor hendaklah dibayar—

(i) sekiranya kenderaan bermotor yang diimport itu dijual dalam tahun semasa, sebelum pendaftaran kenderaan bermotor itu di Jabatan Pengangkutan Jalan; atau

(ii) sekiranya kenderaan bermotor yang diimport tidak dijual dalam tahun semasa, sebelum tempoh sah lesen import bagi tahun semasa yang diperuntukkan kepada syarikat AP terbuka itu tamat.

(3) Sekiranya berlaku kemungkiran pembayaran di bawah perenggan (2)(b) pada tarikh bayaran itu genap masa dan kena dibayar, keseluruhan baki fi lesen import yang tertunggak bagi setiap lesen import yang dikeluarkan hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar pada tarikh itu dan, tanpa apa-apa notis selanjutnya disampaikan, syarikat AP terbuka itu atau orang yang bertanggungjawab untuk membayar amaun yang kena dibayar itu, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua ribu lima ratus ringgit dan tidak melebihi dua puluh ribu ringgit bagi setiap lesen import yang dikeluarkan.

Pungutan fi

4. Mana-mana orang yang dilantik oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 10 Akta hendaklah memungut fi lesen import yang dikenakan di bawah subperaturan 2(1).

Kaedah bayaran

5. Pembayaran fi lesen import yang dikenakan di bawah subperaturan 2(1) hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank.

Ketidakpakaian

6. Peraturan-Peraturan ini tidak terpakai bagi—

(a) penggantian dan perlanjutan lesen import; dan

(b) lesen import bagi penggantian kuota yang diperuntukkan.

Pembatalan

7. Peraturan-Peraturan Kastam (Fi Lesen Import Kenderaan Bermotor) 2009 [P.U. (A) 491/2009] dibatalkan.

Kecualian dan peralihan

8. Walau apa pun peraturan 6, mana-mana pemegang lesen import yang disenaraikan dalam Jadual kepada Peraturan-Peraturan Kastam (Fi Lesen Import Kenderaan Bermotor) 2009 hendaklah terus tertakluk kepada peruntukan peraturan-peraturan itu sehingga 30 Jun 2017.

Dibuat 22 Disember 2016

[SULIT KE.HT(96)667/26 Klt.2 SK 7; Perb. 0.9060/18 Jld.33 (SK.19); PN(PU2)338/XLIII]

DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
Menteri Kewangan Kedua

CUSTOMS ACT 1967

CUSTOMS (IMPORT LICENCE FEE FOR MOTOR VEHICLE) REGULATIONS 2016

IN exercise of the powers conferred by section 142 of the Customs Act 1967 [Act 235], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Customs (Import Licence Fee for Motor Vehicle) Regulations 2016**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2017.

Imposition of import licence fee

2. (1) Any open AP company approved by the authorized officer of the Ministry of International Trade and Industry and to whom an import licence for motor vehicle has been issued pursuant to paragraph 3 of the Customs (Prohibition of Imports) Order 2012 [P.U. (A) 490/2012] and is subject to the Administrative Guidelines on Import Licence issued by the authorized officer of the Ministry of International Trade and Industry, shall be imposed with an import licence fee of—

(a) for the first 35,000 import licences approved, ten thousand ringgit for each unit of the motor vehicle imported by the open AP company; and

(b) for the next import licence approved, twenty thousand ringgit for each unit of the motor vehicle imported by the open AP company.

(2) For the purposes of this regulation, motor vehicle shall not include motorcycle.

Installment payment

3. (1) The Director General may allow the import licence fee imposed under subregulation 2(1) to be paid in installment.

(2) The installment payment for the import licence fee imposed shall be made in the following manner:

(a) the open AP company shall pay the first five thousand ringgit for each import licence issued for each unit of motor vehicle; and

(b) the balance of the import licence fee imposed for each import licence issued for each unit of motor vehicle shall be paid—

(i) if the imported motor vehicle is sold in the current year, before the registration of that motor vehicle at the Road Transport Department; or

(ii) if the imported motor vehicle is not sold in the current year, before the validity period of the import licence for the current year allocated to the open AP company expires.

(3) If there is a default in the payment under paragraph (2)(b) on the date such payment becomes due and payable, the whole outstanding balance of the import licence fee for each import licence issued shall become due and payable on that date and, without any further notice being served, the open AP company or the person who is liable to pay the payable amount, commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine of not less than two thousand and five hundred ringgit and not exceeding twenty thousand ringgit for each import licence issued.

Collection of fee

4. Any person appointed by the Director General under section 10 of the Act shall collect the import licence fee imposed under subregulation 2(1).

Method of payment

5. The payment of the import licence fee imposed under subregulation 2(1) shall be made in the form of a banker's draft.

Non-application

6. These Regulations shall not apply to—

(a) the replacement and extension of import licence; and

(b) an import licence for the replacement of quota allocation.

Revocation

7. The Customs (Import Licence Fee for Motor Vehicle) Regulations 2009 [P.U. (A) 491/2009] is revoked.

Savings and transitional

8. Notwithstanding regulation 6, any import licence holder listed in the Schedule to the Customs (Import Licence Fee for Motor Vehicle) Regulations 2009 shall continue to be subjected to the provisions of that regulations until 30 June 2017.

Made on 22 December 2016

[SULIT KE.HT(96)667/26 Klt.2 SK 7; Perb. 0.9060/18 Jld.33 (SK.19); PN(PU2)338/XLIII]

DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
Second Minister of Finance